

08/12/1998

Diskaun beli rumah untuk semua kaum

PERSATUAN Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) menetapkan diskaun bagi pembelian rumah sebanyak 10 peratus yang ditawarkan pemaju projek perumahan dalam kempen pemilikan rumah secara besar-besaran, bermula Sabtu ini meliputi semua kaum.

Penolong Pengarah Eksekutif HDAM, Lee Yee Kuang, Bumiputera yang sebelum ini sudah menikmati diskaun tujuh peratus kini akan menikmati diskaun 10 peratus sama seperti pembeli lain.

"Diskaun 10 peratus yang diberi itu sudah termasuk diskaun yang dinikmati Bumiputera sebelum ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, pembeli Bumiputera mendapat diskaun antara lima dan tujuh peratus bagi setiap pembelian rumah.

Kempen pemilikan rumah itu diadakan sehingga 12 Januari tahun depan. Kempen berkenaan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berita Harian difahamkan kadar diskaun 10 peratus yang diberi kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera menjelang kempen itu ditetapkan mengikut persetujuan bersama.

Ini termasuk persetujuan yang dicapai di kalangan pemaju perumahan yang menjadi ahli dengan persatuan, bank tempatan dan juga kelulusan daripada Bank Negara Malaysia selepas HDAM mengadakan perbincangan dengan wakil bank itu, baru-baru ini.

(END)